



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA



TENAGA BURUH

LAPORAN
STATISTIK

MAC 2024

JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

LAPORAN TENAGA BURUH MALAYSIA

MAC 2024

Pemakluman

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

DOSM akan menjalankan Banci Pertanian pada tahun 2024. Mohon layari <https://www.myagricensus.gov.my> untuk maklumat lanjut. Tema adalah “Banci Pertanian, Kunci Kemajuan Pertanian”.

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah “Statistik Nadi Kehidupan”.

JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

Diterbitkan dan dicetak oleh:

Jabatan Perangkaan Malaysia

Blok C6 & C7, Kompleks C,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62514 Putrajaya,
MALAYSIA

Tel.	: 03-8885 7000
Faks	: 03-8888 9248
Portal	: https://www.dosm.gov.my
Facebook / X / Instagram/ YouTube	: StatsMalaysia
E-mel	: info@dosm.gov.my ((pertanyaan umum) data@dosm.gov.my (pertanyaan & permintaan data)

Diterbitkan pada 10 Mei 2024

Hakcipta terpelihara.

Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukar dalam apa-apa bentuk atau alat apa jua pun kecuali setelah mendapat kebenaran daripada Jabatan Perangkaan Malaysia. Pengguna yang mengeluarkan sebarang maklumat dari terbitan ini sama ada yang asal atau diolah semula hendaklah meletakkan kenyataan berikut:

“Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia”

ISSN 2735 - 1823

KATA PENGANTAR

Laporan Tenaga Buruh, Malaysia, bulanan membentangkan statistik berkaitan tenaga buruh, guna tenaga dan pengangguran yang diperoleh daripada Survei Tenaga Buruh (STB). Pelaksanaan STB adalah berdasarkan garis panduan dan syor oleh *International Labour Organization* (ILO) dengan merujuk kepada *Surveys of Economically Active Population, Employment, Unemployment and Underemployment: An ILO Manual on Concepts and Methods*.

Statistik tenaga buruh digunakan sebagai input penting untuk menganalisis pasaran buruh, menggubal dasar serta merancang, melaksana dan memantau program terutamanya berkaitan pembangunan sumber manusia. Statistik ini juga menjadi rujukan penting kepada penyelidik, ahli ekonomi, ahli akademik, pihak swasta dan individu yang terlibat dalam kajian berkaitan guna tenaga dan pasaran buruh.

Laporan Tenaga Buruh bagi Mac 2024 memperihalkan kedudukan penawaran tenaga buruh berdasarkan situasi semasa. Laporan ini juga menghuraikan perubahan bulan ke bulan untuk mengkaji kesan langsung daripada peristiwa terkini. Di samping itu, perubahan tahunan dari bulan yang sama pada tahun sebelumnya turut dilaporkan.

Jabatan Perangkaan Malaysia merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih atas kerjasama dan sumbangan yang diberikan oleh semua pihak dalam menjayakan penerbitan ini. Setiap maklum balas dan cadangan ke arah penambahbaikan laporan ini pada masa hadapan amat dihargai.

DATO' SRI DR. MOHD UZIR MAHIDIN

Ketua Perangkawan Malaysia

Mei 2024

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

ISI KANDUNGAN

MUKA SURAT

Isi Kandungan	i
Glosari	ii
Akronim	iv
Infografik	v

Sorotan Utama	1
1. Pengenalan	2
2. Penduduk Bekerja	2
3. Pengangguran	4
4. Tenaga Buruh	5
5. Luar Tenaga Buruh	6
6. Menuju ke Hadapan	7

Senarai Jadual

Jadual A	: Statistik utama tenaga buruh, Malaysia, 1982 - 2022	A-1
Jadual B	: Statistik utama tenaga buruh, Malaysia, Suku Pertama 2010 - Suku Pertama 2024	A-2
Jadual B1	: Penduduk bekerja kurang dari 30 jam seminggu mengikut jantina dan kumpulan umur, Malaysia, Suku Pertama 2017 - Suku Pertama 2024	A-4
Jadual B2	: Guna tenaga tidak penuh berkaitan masa mengikut jantina dan kumpulan umur, Malaysia, Suku Pertama 2017 - Suku Pertama 2024	A-5
Jadual B3	: Guna tenaga tidak penuh berkaitan kemahiran mengikut jantina dan kumpulan umur, Malaysia, Suku Pertama 2017 - Suku Pertama 2024	A-6
Jadual C	: Statistik utama tenaga buruh, Malaysia, Januari 2010 - Mac 2024	A-7
Jadual C1	: Statistik utama tenaga buruh pelarasan musim, Malaysia, Januari 2010 - Mac 2024	A-11
Jadual C2	: Bilangan penganggur mengikut kategori dan tempoh menganggur, Januari 2016 - Mac 2024	A-15
Jadual C3	: Pengangguran dan kadar pengangguran belia mengikut kumpulan umur terpilih, Januari 2016 - Mac 2024	A-17
Jadual C4	: Penduduk bekerja mengikut taraf pekerjaan, Januari 2016 - Mac 2024	A-19
Jadual D	: Penduduk bekerja mengikut pekerjaan, Malaysia, 1982 - 2022	A-21
Jadual E	: Penduduk bekerja mengikut industri, Malaysia, 1982 - 2022	A-22
Jadual F	: Penduduk bekerja mengikut taraf pekerjaan, Malaysia, 1982 - 2022	A-24
Jadual G	: Indikator tenaga buruh bagi negara terpilih, Mac 2023 - Mac 2024	A-25

GLOSARI

Aktiviti ekonomi	: Klasifikasi industri mengikut Piawaian Klasifikasi Industri Malaysia (MSIC) 2018 Versi 1.0 kepada lima sektor utama iaitu Pertanian, Perlombongan & Pengkuarian, Pembuatan, Pembinaan dan Perkhidmatan. Manakala sektor Pembuatan dan Perkhidmatan dibahagikan kepada subsektor.
Bekerja	: Semua orang yang bekerja sekurang-kurangnya sejam semasa minggu rujukan untuk mendapatkan upah, keuntungan atau keuntungan keluarga sama ada sebagai majikan, pekerja, bekerja sendiri atau pekerja keluarga tanpa gaji.
Bekerja sendiri	: Seorang yang mengusahakan ladang, perniagaan atau perusahaan sendiri tanpa menggaji pekerja di ladang, perniagaan atau perusahaannya.
Guna tenaga tidak penuh berkaitan kemahiran	: Mereka yang mempunyai pendidikan tertiar dan bekerja dalam kategori separuh mahir dan berkemahiran rendah.
Guna tenaga tidak penuh berkaitan masa	: Kumpulan yang bekerja kurang daripada 30 jam seminggu semasa minggu rujukan disebabkan keadaan kerja atau kerja yang tidak mencukupi dan berkeupayaan serta sanggup menerima tambahan bilangan jam bekerja. Mereka yang bekerja lebih daripada 30 jam seminggu semasa minggu rujukan merupakan guna tenaga penuh.
Kadar pengangguran	: Perkadaran penduduk yang menganggur kepada jumlah penduduk di dalam tenaga buruh dalam bentuk peratusan.
Kadar penyertaan tenaga buruh	: Perkadaran penduduk dalam tenaga buruh kepada penduduk dalam umur bekerja dalam bentuk peratusan.
Kategori kemahiran	: Untuk tujuan pelaporan, kategori pekerjaan dikelaskan kepada tiga tahap kemahiran mengikut Piawaian Pengelasan Pekerjaan Malaysia (MASCO) 2013 seperti berikut:

Pekerja mahir:

1. Pengurus;
2. Profesional; dan
3. Juruteknik dan professional bersekutu.

Pekerja separuh mahir:

4. Pekerja sokongan pengkeranian;
5. Pekerja perkhidmatan dan penjualan;
6. Pekerja mahir pertanian, perhutanan dan perikanan;
7. Pekerja kemahiran dan pekerja pertukangan yang berkaitan; dan
8. Operator loji dan mesin serta pemasangan.

Pekerja berkemahiran rendah:

9. Pekerjaan asas.

GLOSARI

Bermula Januari 2022, kategori pekerjaan adalah mengikut Piawaian Pengelasan Pekerjaan Malaysia (MASCO) 2020 dengan tambahan kumpulan 0 - Angkatan tentera.

Luar tenaga buruh	: Penduduk yang tidak dikelaskan sebagai bekerja atau menganggur dikategorikan sebagai luar tenaga buruh. Kategori ini terdiri daripada suri rumah, pelajar (termasuk mereka yang akan melanjutkan pelajaran), mereka yang telah bersara, tidak berkeupayaan dan mereka yang tidak berminat untuk mencari pekerjaan.
Majikan	: Seorang yang menjalankan sesuatu perniagaan, perusahaan ladang atau perniagaan lain dan menggaji seorang pekerja atau lebih untuk menolongnya.
Nisbah guna tenaga kepada penduduk	: Perkadaran penduduk yang bekerja kepada jumlah penduduk dalam kumpulan umur bekerja.
Pekerja	: Seorang yang bekerja untuk majikan sektor awam atau swasta dan menerima ganjaran tetap seperti upah, gaji, komisen, tip atau ganjaran berbentuk mata benda.
Pekerja keluarga tanpa gaji	: Seorang yang bekerja tanpa menerima sebarang bayaran atau upah di ladang, perniagaan atau perusahaan yang dijalankan oleh ahli keluarganya yang lain.
Penganggur	: Mereka yang tidak bekerja semasa minggu rujukan dan dikelaskan kepada dua kumpulan iaitu penganggur aktif dan penganggur tidak aktif.
Penganggur aktif	: Mereka yang bersedia untuk bekerja dan aktif mencari pekerjaan dalam minggu rujukan.
Penganggur tidak aktif	: Tidak mencari pekerjaan dalam minggu rujukan kerana percaya tidak terdapat pekerjaan atau pun tidak berkeupayaan; mungkin mencari pekerjaan jika tidak kerana sakit atau keadaan cuaca; dan telah mencari pekerjaan sebelum minggu rujukan dan sedang menunggu jawapan permohonan pekerjaan.
Tenaga buruh	: Tenaga buruh merujuk kepada penduduk dalam kumpulan umur bekerja (15 - 64 tahun) sama ada bekerja atau menganggur.

AKRONIM

HLIB	:	Hong Leong Investment Bank Bhd
ILO	:	<i>International Labour Organization</i>
IMF	:	Tabung Kewangan Antarabangsa
IP	:	Indeks Pelopor
KDNK	:	Keluaran Dalam Negeri Kasar
KPTB	:	Kadar Penyertaan Tenaga Buruh
MASCO	:	Piawaian Pengelasan Pekerjaan Malaysia
MSIC	:	Piawaian Klasifikasi Industri Malaysia
PMKS	:	Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana
STB	:	Survei Tenaga Buruh

TENAGA BURUH MALAYSIA, MAC 2024

Kadar pengangguran pada Mac 2024 kekal pada 3.3 peratus, merekodkan bilangan penganggur 566.6 ribu orang

PENGANGGUR

BILANGAN PENGANGGUR DAN KADAR PENGANGGURAN, MALAYSIA, MAC 2023 - MAC 2024



3.3%

Kadar pengangguran pada Mac 2024 kekal pada 3.3 peratus seperti pada bulan yang lalu

▼ 0.2mp ↔ 0.0mp

Pengangguran mengikut kategori

Penganggur aktif Penganggur tidak aktif

79.7% 20.3%

MAR 2024

▼ 4.5% ▼ 0.2% 451.5 ribu 115.0 ribu ▼ 0.7% ▲ 0.4%

FEB 2024

452.4 ribu 114.6 ribu


PENDUDUK BEKERJA

BILANGAN PENDUDUK BEKERJA DAN NISBAH GUNA TENAGA KEPADA PENDUDUK, MALAYSIA, MAC 2023 - MAC 2024



Penduduk bekerja mengikut taraf pekerjaan

Daripada jumlah penduduk bekerja pada bulan Mac 2024, 75.1 peratus berada dalam kategori pekerjaan



TENAGA BURUH

BILANGAN TENAGA BURUH DAN KADAR PENYERTAAN TENAGA BURUH (KPTB), MALAYSIA, MAC 2023 - MAC 2024



70.3%

Kadar penyertaan tenaga buruh Mac 2024 naik sebanyak 0.1 mata peratus kepada 70.3 peratus

KPTB mengikut jantina



LUAR TENAGA BURUH



FEB 2024

7.23 juta
7.23 juta

MAC 2024

▲ 0.03%
▼ 0.003%

Komposisi utama penduduk di luar tenaga buruh adalah kerja rumah/ tanggungjawab keluarga



Kerja rumah/ tanggungjawab keluarga

42.6%



Bersekolah/ latihan

41.4%

Peratus perubahan (tahun ke tahun)

mp

Mata Peratus

Peratus perubahan (bulan ke bulan)

↔

Tidak Berubah

Sumber: Survei Tenaga Buruh, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)



KONSEP DAN DEFINISI



Apa itu Survei Tenaga Buruh (STB)?

Survei Tenaga Buruh (STB) dilaksanakan untuk mengumpul maklumat berkaitan struktur dan taburan tenaga buruh, guna tenaga dan pengangguran dari aspek penawaran tenaga buruh.

STB meliputi kedua-dua kawasan bandar dan luar bandar bagi semua daerah pentadbiran di semua negeri di Malaysia menggunakan pendekatan *multi-modal data collection* melalui temu ramah bersemuka dan *Computer-Assisted Telephone Interview (CATI)*.

STB dilaksanakan berdasarkan garis panduan dan syor oleh *International Labour Organization (ILO)*.

Populasi penyiasatan merangkumi penduduk yang tinggal di tempat kediaman persendirian dan tidak termasuk mereka yang tinggal di institusi-institusi seperti hotel, hospital, asrama, penjara dan pekerja yang tinggal di rumah kongsi.

Umur bekerja bagi analisis STB di Malaysia merujuk kepada ahli isi rumah yang berumur 15 hingga 64 tahun semasa minggu rujukan, sama ada berada di dalam tenaga buruh atau di luar tenaga buruh.

TENAGA BURUH

- Penduduk dalam kumpulan umur bekerja 15 hingga 64 tahun (dalam tahun genap pada hari lahir terakhir).
- Sama ada bekerja atau menganggur semasa minggu rujukan.

BEKERJA

- Orang yang bekerja sekurang-kurangnya sejam semasa minggu rujukan untuk mendapatkan upah, keuntungan atau keuntungan keluarga (majikan, pekerja, bekerja sendiri atau pekerja keluarga tanpa gaji).
- Mereka yang tidak bekerja semasa minggu rujukan disebabkan sakit, kecederaan, cuaca buruk, bercuti, pertelingkahan buruh dan sebab-sebab sosial atau keagamaan tetapi mempunyai pekerjaan, ladang, perusahaan atau perusahaan keluarga lain untuk kembali bekerja.
- Mereka yang tidak bekerja buat sementara waktu tetapi bergaji dan pasti akan dipanggil bekerja semula.

PENGANGGUR

- Mereka yang tidak mempunyai pekerjaan tetapi berminat untuk bekerja dan sedang mencari kerja.
- Dikelaskan kepada dua kumpulan iaitu penganggur aktif dan penganggur tidak aktif.

LUAR TENAGA BURUH

- Penduduk yang tidak dikelaskan sebagai bekerja atau menganggur.
- Contoh: suri rumah, pelajar, mereka yang telah bersara atau tidak berkeupayaan dan mereka yang tidak berminat untuk mencari pekerjaan.

KADAR PENGANGGURAN

- Perkadaran penduduk yang menganggur (tidak bekerja) kepada jumlah penduduk di dalam tenaga buruh.
- Peratus penduduk di dalam tenaga buruh yang tidak bekerja.

KADAR PENYERTAAN TENAGA BURUH

- Aktiviti ekonomi penduduk pada keseluruhannya bergantung kepada ciri-ciri demografi sesuatu populasi.
- Pecahan mereka yang aktif secara ekonomi berbeza di antara kumpulan-kumpulan kecil penduduk tersebut.
- Perbezaan ini diukur dengan kadar aktiviti tertentu yang dikenali sebagai kadar penyertaan tenaga buruh.
- Kadar penyertaan tenaga buruh ditakrifkan sebagai perkadaran penduduk dalam tenaga buruh kepada jumlah penduduk dalam umur bekerja (15 hingga 64 tahun) yang dipersembahkan dalam bentuk peratus.

PELARASAN MUSIM

- Data siri masa adalah amat berguna untuk ahli ekonomi, pembuat dasar & keputusan serta penganalisis siri masa untuk mengenal pasti ciri-ciri penting siri ekonomi seperti arah aliran, *turning point* dan konsistensi antara penunjuk ekonomi yang lain. Kadangkala ciri ini sukar untuk diperhatikan kerana pergerakan bermusim. Oleh itu, sekiranya kesan bermusim boleh disingkirkan, arah aliran data siri ini dapat dilihat dengan lebih baik. Anggaran dan penyingkiran kesan bermusim dipanggil pelarasan bermusim.
- Pelarasan bermusim adalah satu proses untuk mengenal pasti dan menyingkirkan bentuk pola bermusim yang biasa berlaku dalam tempoh satu tahun, yang mungkin juga merangkumi pengaruh dari kesan cuti yang bergerak dan hari bekerja/berdagang bagi suatu tempoh. Objektif utama proses ini adalah untuk menyerlahkan arah aliran dan pergerakan-pergerakan jangka pendek dalam siri ini.
- Di Malaysia, kebanyakan data siri masa dipengaruhi oleh kesan bermusim. Oleh itu, untuk menghapus dan melaraskan kesan bermusim data siri masa ekonomi Malaysia, pakej standard pelarasan bermusim, X-12 ARIMA telah digunakan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia.

Sumber: Survei Tenaga Buruh, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)

SOROTAN UTAMA

- Bilangan **penduduk bekerja** terus berada dalam trend menaik pada Mac 2024, mencatatkan peningkatan bulan ke bulan sebanyak **0.1 peratus (+24.3 ribu orang)** kepada **16.53 juta orang**, berbanding 16.51 juta orang yang direkodkan pada Februari 2024. Pada bulan tersebut, **nisbah guna tenaga kepada penduduk**, yang menunjukkan keupayaan ekonomi untuk mewujudkan pekerjaan, kekal pada **67.9 peratus** seperti pada bulan Februari 2024.
- Dari segi sektor ekonomi, sektor Perkhidmatan terus merekodkan trend positif dalam bilangan penduduk bekerja, terutamanya dalam aktiviti Perdagangan borong & runcit; Perkhidmatan makanan & minuman; dan aktiviti Maklumat & komunikasi. Begitu juga, bilangan penduduk bekerja dalam sektor Pembuatan, Pembinaan, Perlombongan & pengkuarian serta Pertanian juga berada pada trend meningkat pada bulan Mac 2024.
- Pada Mac 2024, **75.1 peratus** daripada penduduk bekerja berada dalam kategori **pekerja**, mencatatkan peningkatan sebanyak **0.1 peratus (+12.9 ribu orang)** kepada **12.42 juta orang** berbanding 12.41 juta orang pada Februari 2024. Begitu juga, trend positif dapat dilihat dalam kategori **penduduk bekerja sendiri**, yang meningkat sebanyak **0.3 peratus (+8.9 ribu orang)** kepada **3.03 juta orang** (Februari 2024: 3.02 juta orang).
- Bilangan **penganggur** pada bulan Mac 2024 berubah sedikit kepada **566.6 ribu orang**, dengan sedikit penurunan iaitu sebanyak **0.1 peratus (-0.4 ribu orang)** berbanding bulan sebelumnya (Februari 2024: 567.0 ribu orang). **Kadar pengangguran** pada bulan tersebut kekal pada **3.3 peratus** seperti pada bulan yang lalu.
- Bilangan **tenaga buruh** pada Mac 2024 terus mengukuh, dengan peningkatan sebanyak **0.1 peratus** atau bersamaan dengan **23.8 ribu orang** merekodkan **17.10 juta orang** (Februari 2024: 17.07 juta orang). Sehubungan itu, **kadar penyertaan tenaga buruh (KPTB)** naik sebanyak **0.1 mata peratus** kepada **70.3 peratus** (Februari 2024: 70.2%).
- Bilangan penduduk di **luar tenaga buruh** pada Mac 2024 terus menurun, dengan penurunan marginal **0.003 peratus (-0.2 ribu orang)** kepada **7.23 juta orang** (Februari 2024: 7.23 juta orang). Komposisi utama penduduk di luar tenaga buruh adalah **kerja rumah/ tanggungjawab keluarga** iaitu pada kadar **42.6 peratus**, diikuti oleh sebab **bersekolah/ latihan** iaitu sebanyak **41.4 peratus**.
- Di sebalik tekanan luaran yang berterusan, prospek ekonomi negara akan terus disokong oleh permintaan domestik yang kekal sebagai pemacu utama ekonomi negara, termasuk aktiviti pelancongan yang lebih baik, pelaksanaan projek infrastruktur yang berterusan, pelaburan langsung asing yang komited, dan inisiatif pekerjaan oleh kerajaan. Permintaan domestik yang kukuh akan terus memacu pertumbuhan di samping kedudukan guna tenaga yang lebih baik. Di samping itu, prospek ekonomi negara yang menggalakkan membawa kepada aktiviti perniagaan dan ekonomi yang lebih rancak, sekali gus menyumbang kepada pewujudan lebih banyak pekerjaan baharu dan peluang pendapatan yang lebih besar dalam ekonomi. Oleh itu, kedudukan tenaga buruh yang meyakinkan diramalkan pada bulan-bulan akan datang, mencerminkan keyakinan terhadap ekonomi.

Pertumbuhan ekonomi global sedikit lebih baik pada Mac 2024, walaupun dunia masih berdepan ketidakpastian dan ketegangan geopolitik. Sementara itu, ekonomi Malaysia kekal stabil, disokong oleh permintaan domestik yang kukuh dan permintaan luar negeri yang menggalakkan, serta kedudukan pasaran buruh negara yang bertambah baik. Menurut Hong Leong Investment Bank Bhd (HLIB), pasaran buruh Malaysia dijangka mendapat manfaat daripada pemulihan dalam aktiviti pelancongan dan kesan limpahannya ke atas sektor berkaitan seperti perdagangan borong dan runcit, makanan dan minuman, dan penginapan, serta pelaksanaan projek pembangunan negara¹. Justeru, aktiviti berkaitan pelancongan yang berterusan dilihat merupakan salah satu sebab utama yang menyumbang kepada peningkatan pertumbuhan ekonomi Malaysia. Dalam pada itu, pasaran buruh pada Mac 2024 terus kukuh, dengan pelbagai peluang pekerjaan diwujudkan bagi memenuhi keperluan perniagaan. Oleh itu, prospek yang lebih menggalakkan dalam pasaran buruh dapat dilihat pada bulan tersebut.

Pada Mac 2024, umat Islam di seluruh dunia menyambut bulan Ramadan yang mulia, termasuk Malaysia. Sepanjang bulan Ramadan tersebut, rakyat Malaysia sama ada yang beragama Islam dan bukan Islam mengambil peluang untuk menjana lebih banyak pendapatan bagi menampung perbelanjaan hidup mereka melalui aktiviti perniagaan. Tambahan pula, pengoperasian lebih banyak Bazar Ramadan telah membuka banyak peluang kepada Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS), terutamanya usahawan baharu dan sedia ada, untuk memulakan perniagaan mereka. Ini menggalakkan prospek ekonomi negara yang semakin baik pada Mac 2024, seterusnya merangsang pertumbuhan yang lebih baik dalam pasaran buruh Malaysia. Oleh itu, kedudukan tenaga buruh Malaysia pada bulan Mac 2024 terus berkembang secara positif, mencerminkan prospek ekonomi negara yang stabil. Ini disumbangkan oleh bilangan penduduk bekerja yang terus meningkat manakala pengangguran semakin berkurangan.

Bagi Indeks Pelapor (IP) pada Februari 2024, ia mencatatkan kenaikan 2.0 peratus kepada 112.7 mata berbanding bulan yang sama tahun sebelumnya (Februari 2023: 110.5 mata). Prestasi IP bulanan merekodkan 0.4 peratus pada Februari 2024, berbanding 1.6 peratus bulan lalu. Kadar pertumbuhan IP terlicin bagi Februari 2024 kembali melebihi trend 100.0 mata setelah enam belas bulan di bawah trend. Ini menggambarkan ekonomi Malaysia dijangka bertambah baik pada masa hadapan, disokong oleh pertumbuhan domestik dan perbelanjaan isi rumah yang berterusan. Sementara itu, indikator perdagangan luar negeri bulanan bagi eksport dan import pada Mac 2024, kedua-duanya kembali meningkat, masing-masing kepada pertumbuhan positif 15.5 peratus (Februari 2024: -9.0%) dan +15.7 peratus (Februari 2024: -10.8%).


Bilangan **penduduk bekerja** terus berada pada trend menaik pada Mac 2024, mencatatkan peningkatan bulan ke bulan sebanyak **0.1 peratus (+24.3 ribu orang)** kepada **16.53 juta orang**, berbanding 16.51 juta orang yang direkodkan pada Februari 2024. Dari segi data pelarasan bermusim, bilangan penduduk bekerja juga menunjukkan peningkatan sebanyak 0.1 peratus. Perbandingan tahun ke tahun, bilangan penduduk bekerja naik sebanyak 1.9 peratus atau bersamaan dengan 309.2 ribu orang (Mac 2023: 16.22 juta orang).

¹ <https://en.vietnamplus.vn/malaysias-labour-market-to-remain-stable-in-2024/284443.vnp>

Dari segi sektor ekonomi, sektor Perkhidmatan terus merekodkan trend positif dalam bilangan penduduk bekerja, terutamanya dalam aktiviti Perdagangan borong & runcit; Perkhidmatan makanan & minuman; dan aktiviti Maklumat & komunikasi. Begitu juga, bilangan penduduk bekerja dalam sektor Pembuatan, Pembinaan, Perlombongan & pengkuarian serta Pertanian juga berada pada trend meningkat pada bulan Mac 2024.


Pada bulan tersebut, **nisbah guna tenaga kepada penduduk**, yang menunjukkan keupayaan ekonomi untuk mewujudkan pekerjaan, kekal pada **67.9 peratus** seperti pada bulan Februari 2024. Tahun ke tahun, nisbah ini meningkat sebanyak 0.4 mata peratus daripada 67.5 peratus pada Mac 2023 [Carta 1].

Carta 1: Penduduk bekerja dan nisbah guna tenaga kepada penduduk, Januari 2019 - Mac 2024



Pada Mac 2024, **75.1 peratus** daripada penduduk bekerja berada dalam kategori **pekerja**, mencatatkan peningkatan sebanyak **0.1 peratus (+12.9 ribu orang)** kepada **12.42 juta orang** berbanding 12.41 juta orang pada Februari 2024. Begitu juga, trend positif dapat dilihat dalam kategori **penduduk bekerja sendiri**, yang meningkat sebanyak **0.3 peratus (+8.9 ribu orang)** kepada **3.03 juta orang** (Februari 2024: 3.02 juta orang). Kumpulan ini kebanyakannya terdiri daripada mereka yang berpendapatan harian yang bekerja dalam operasi perniagaan kecil seperti peruncit, penjaja dan penjual di pasar, serta pekebun kecil [Carta 2].

Carta 2: Penduduk bekerja mengikut taraf pekerjaan, Februari 2024 dan Mac 2024




Bilangan penduduk **bekerja yang tidak bekerja buat sementara waktu** pada Mac 2024 merekodkan penurunan sebanyak **0.5 peratus (-0.4 ribu orang)** kepada **84.6 ribu orang** (Februari 2024: 84.9 ribu orang). Berbanding bulan yang sama pada tahun sebelumnya, kategori ini turun sebanyak 10.8 peratus (-10.2 ribu orang) daripada 94.8 ribu orang pada Mac 2023. Kumpulan ini yang berkemungkinan tidak dapat bekerja buat sementara waktu, tidak diklasifikasikan sebagai penganggur kerana mereka mempunyai pekerjaan dan akan kembali bekerja.

3 Kadar pengangguran pada bulan Mac 2024 kekal pada 3.3 peratus

Bilangan **penganggur** pada bulan Mac 2024 berubah sedikit kepada **566.6 ribu orang**, dengan sedikit penurunan iaitu sebanyak **0.1 peratus (-0.4 ribu orang)** berbanding bulan sebelumnya (Februari 2024: 567.0 ribu orang). **Kadar pengangguran** pada bulan tersebut kekal pada **3.3 peratus** seperti pada bulan yang lalu. Manakala, berdasarkan anggaran pelarasan bermusim, bilangan penganggur turun sebanyak 0.1 peratus, dengan kadar pengangguran 3.3 peratus.

Berbanding setahun sebelumnya, bilangan penganggur mencatatkan penurunan sebanyak 3.8 peratus atau bersamaan dengan pengurangan sebanyak 22.1 ribu orang (Mac 2023: 588.7 ribu orang). Oleh itu, kadar pengangguran juga turun sebanyak 0.2 mata peratus berbanding 3.5 peratus yang direkodkan pada Mac tahun lalu [**Carta 3**].


Carta 3: Penganggur dan kadar pengangguran, 1982 - 2022 dan Januari 2021 - Mac 2024



Mengikut kategori pengangguran, **79.7 peratus** daripada jumlah penganggur adalah mereka yang bersedia untuk bekerja dan aktif mencari pekerjaan atau **penganggur aktif**. Kumpulan ini turun sebanyak **0.2 peratus (-0.8 ribu orang)** kepada **451.5 ribu orang** (Februari 2024: 452.4 ribu orang). Mengikut tempoh pengangguran bagi penganggur aktif, mereka yang **menganggur kurang daripada tiga bulan** merangkumi **61.7 peratus**, manakala mereka yang berada dalam **pengangguran jangka panjang melebihi setahun²** meliputi **6.6 peratus**. Sebaliknya, **penganggur tidak aktif** atau mereka yang percaya bahawa tiada pekerjaan tersedia, mencatatkan peningkatan sebanyak **0.4 peratus (+0.4 ribu orang)** kepada **115.0 ribu orang** (Februari 2024: 114.6 ribu orang) [**Carta 4**].


² Merujuk kepada orang yang menganggur selama setahun atau lebih (Sumber: KILM: Long-term unemployment)
https://www.ilo.org/wcmsp5/groups/public/---dgreports/---stat/documents/publication/wcms_422451.pdf

Carta 4: Kategori penganggur dan tempoh menganggur, Februari 2024 dan Mac 2024



Pada Mac 2024, kadar pengangguran bagi belia berumur **15 hingga 24 tahun** kekal pada **10.6 peratus**, mencatatkan **306.3 ribu penganggur belia** (Februari 2024: 10.6%; 306.6 ribu orang). Begitu juga, kadar pengangguran bagi belia berumur **15 hingga 30 tahun** kekal pada **6.6 peratus**, dengan bilangan penganggur belia seramai **434.5 ribu orang** (Februari 2024: 6.6%; 434.8 ribu orang) [Carta 5].

Carta 5: Kadar pengangguran mengikut kumpulan umur terpilih, 1982 - 2022 dan Januari 2021 - Mac 2024




4 KPTB meningkat kepada 70.3 peratus pada Mac 2024

Bilangan **tenaga buruh** pada Mac 2024 terus mengukuh, dengan peningkatan sebanyak **0.1 peratus** atau bersamaan dengan **23.8 ribu orang** merekodkan **17.10 juta orang** (Februari 2024: 17.07 juta orang). Sehubungan itu, **kadar penyertaan tenaga buruh (KPTB)** naik sebanyak **0.1 mata peratus** kepada **70.3 peratus** (Februari 2024: 70.2%). Berdasarkan anggaran pelarasan bermusim, bilangan tenaga buruh meningkat sebanyak 0.1 peratus dengan KPTB yang lebih tinggi iaitu pada 70.3 peratus.

Secara tahunan, bilangan tenaga buruh naik sebanyak 287.0 ribu orang (1.7%) berbanding 16.81 juta orang pada Mac 2023. Oleh itu, KPTB meningkat sebanyak 0.4 mata peratus daripada bulan

yang sama tahun sebelumnya (Mac 2023: 69.9%) [Carta 6].


Carta 6: Tenaga buruh dan KPTB, 1982 - 2022 dan Januari 2021 - Mac 2024



Dari segi tenaga buruh mengikut jantina, bilangan **tenaga buruh lelaki** dan **perempuan** terus meningkat pada bulan tersebut, masing-masing merekodkan **10.45 juta orang** dan **6.65 juta orang** (Februari 2024: 10.44 juta orang; 6.63 juta orang). **KPTB lelaki** dan **perempuan** masing-masing kekal pada kadar **83.1 peratus** dan **56.5 peratus**, seperti pada bulan sebelumnya.

Tahun ke tahun, tenaga buruh lelaki dan perempuan terus meningkat, dengan pertambahan masing-masing sebanyak 1.7 peratus daripada 10.27 juta orang dan 1.6 peratus daripada 6.54 juta orang. Sehubungan itu, kedua-dua KPTB bagi lelaki dan perempuan, naik sebanyak 0.3 mata peratus daripada 82.8 peratus dan 56.2 peratus pada Mac 2023 [Carta 7].

Carta 7: Tenaga buruh dan KPTB mengikut jantina, 1982 - 2022 dan Januari 2021 - Mac 2024




5

Komposisi utama penduduk di luar tenaga buruh adalah kerja rumah/ tanggungjawab keluarga

Bilangan penduduk di **luar tenaga buruh** pada Mac 2024 terus berkurang, dengan penurunan marginal sebanyak **0.003 peratus (-0.2 ribu orang)** kepada **7.23 juta orang** (Februari 2024: 7.23 juta orang).

Secara tahunan, bilangan penduduk di luar tenaga buruh naik sedikit iaitu sebanyak 0.03 peratus daripada 7.23 juta orang pada Mac tahun lalu. Komposisi utama penduduk di luar tenaga buruh adalah **kerja rumah/ tanggungjawab keluarga** iaitu pada kadar **42.6 peratus**, diikuti oleh sebab **bersekolah/ latihan** iaitu sebanyak **41.4 peratus** [Carta 8].

Carta 8: Peratus sumbangan luar tenaga buruh mengikut sebab tidak mencari pekerjaan, Februari 2024 dan Mac 2024



6 MENUJU KE HADAPAN

Berdasarkan Laporan Tinjauan Ekonomi Dunia oleh Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF), ia menyatakan bahawa ekonomi dunia terus menunjukkan daya tahan yang luar biasa, dengan pertumbuhan kekal stabil dan inflasi menghampiri sasaran. Konflik geopolitik, bermula dengan gangguan rantaian bekalan berikutan pandemik dan perang ke atas Ukraine yang dimulakan oleh Rusia, telah mengakibatkan krisis makanan dan tenaga di seluruh dunia, lonjakan inflasi yang ketara, dan pengetatan dasar monetari yang diselaraskan secara global.

Namun, walaupun banyak ramalan negatif, dunia berjaya keluar dari kemelesetan, sistem kewangan terbukti agak mantap, dan pasaran utama negara-negara membangun tidak mengalami kemerosotan mendadak³. IMF meramalkan bahawa pada tahun 2023, pertumbuhan global adalah sebanyak 3.2 peratus, dan ia akan mengekalkan tahap pertumbuhan tersebut pada tahun 2024 dan 2025. IMF turut menyemak semula jangkaan unjuran Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) sebenar Malaysia iaitu sebanyak 4.4 peratus pada tahun 2024, berbanding 4.3 peratus dalam unjuran sebelum ini⁴.

Bagi prospek ekonomi Malaysia, Anggaran KDNK Awalan bagi suku pertama 2024 dianggarkan berkembang sebanyak 3.9 peratus berbanding 3.0 peratus pada suku sebelumnya, didorong oleh pertumbuhan sektor Perkhidmatan. Di sebalik tekanan luaran yang berterusan, prospek tersebut akan terus disokong oleh permintaan domestik yang kekal sebagai pemacu utama ekonomi negara, termasuk aktiviti pelancongan yang semakin baik, pelaksanaan projek infrastruktur yang berterusan, pelaburan langsung asing yang komited, dan inisiatif pekerjaan oleh kerajaan. Di samping itu, permintaan domestik yang kukuh akan terus memacu pertumbuhan di samping kedudukan guna tenaga yang lebih baik.

Prospek ekonomi negara yang menggalakkan akan membawa kepada aktiviti perniagaan dan ekonomi yang lebih rancak, sekali gus menyumbang kepada pewujudan lebih banyak pekerjaan baharu dan

³ World Economic Outlook, IMF, April 2024

⁴ <https://www.bernama.com/en/business/news.php?id=2288730#:~:text=For%20global%20growth%2C%20the%20IMF,2023%20WEO%2C%E2%80%9D%20it%20said>

peluang pendapatan yang lebih besar dalam ekonomi. Oleh itu, kedudukan tenaga buruh yang meyakinkan diramalkan pada bulan-bulan akan datang, mencerminkan keyakinan terhadap ekonomi.

JADUAL

TENAGA BURUH, MALAYSIA
MAC 2024

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

Jadual A: Statistik utama tenaga buruh, Malaysia, 1982 - 2022

Siri Masa	('000)					(%)	
	Tenaga Buruh	Penduduk Bekerja	Penganggur	Luar Tenaga Buruh	Kadar Penyertaan Tenaga Buruh	Nisbah Guna Tenaga kepada Penduduk	Kadar Pengangguran
1982	5,431.4	5,249.0	182.4	2,944.6	64.8	62.7	3.4
1983	5,671.8	5,457.0	214.9	2,969.4	65.6	63.2	3.8
1984	5,862.5	5,566.7	295.8	3,119.6	65.3	62.0	5.0
1985	5,990.1	5,653.4	336.8	3,124.9	65.7	62.0	5.6
1986	6,222.1	5,760.1	461.9	3,188.3	66.1	61.2	7.4
1987	6,456.8	5,983.9	472.9	3,246.1	66.5	61.7	7.3
1988	6,637.0	6,157.2	479.8	3,301.5	66.8	62.0	7.2
1989	6,779.4	6,390.9	388.5	3,463.5	66.2	62.4	5.7
1990	7,000.2	6,685.0	315.2	3,519.7	66.5	63.6	4.5
1992	7,319.0	7,047.8	271.2	3,783.6	65.9	63.5	3.7
1993	7,700.1	7,383.4	316.8	3,874.9	66.5	63.8	4.1
1995	7,893.1	7,645.0	248.1	4,297.7	64.7	62.7	3.1
1996	8,616.0	8,399.3	216.8	4,379.0	66.3	64.6	2.5
1997	8,784.0	8,569.2	214.9	4,605.1	65.6	64.0	2.4
1998	8,883.6	8,599.6	284.0	4,934.0	64.3	62.2	3.2
1999	9,151.5	8,837.8	313.7	5,098.4	64.2	62.0	3.4
2000	9,556.1	9,269.2	286.9	5,065.1	65.4	63.4	3.0
2001	9,699.4	9,357.0	342.4	5,239.9	64.9	62.6	3.5
2002	9,886.2	9,542.6	343.5	5,473.8	64.4	62.1	3.5
2003	10,239.6	9,869.7	369.8	5,458.6	65.2	62.9	3.6
2004	10,346.2	9,979.5	366.6	5,730.5	64.4	62.1	3.5
2005	10,413.4	10,045.4	368.1	6,048.2	63.3	61.0	3.5
2006	10,628.9	10,275.4	353.6	6,205.1	63.1	61.0	3.3
2007	10,889.5	10,538.1	351.4	6,330.1	63.2	61.2	3.2
2008	11,028.1	10,659.6	368.5	6,575.7	62.6	60.6	3.3
2009	11,315.3	10,897.3	418.0	6,665.7	62.9	60.6	3.7
2010	12,303.9	11,899.5	404.4	7,023.0	63.7	61.6	3.3
2011	12,740.7	12,351.5	389.2	7,023.3	64.5	62.5	3.1
2012	13,221.7	12,820.5	401.2	6,927.4	65.6	63.6	3.0
2013	13,980.5	13,545.4	435.1	6,781.2	67.3	65.2	3.1
2014	14,263.6	13,852.6	411.1	6,821.0	67.6	65.7	2.9
2015	14,518.0	14,067.7	450.3	6,869.9	67.9	65.8	3.1
2016	14,667.8	14,163.7	504.1	6,987.6	67.7	65.4	3.4
2017	14,980.1	14,476.8	503.3	7,065.0	68.0	65.7	3.4
2018	15,280.3	14,776.0	504.3	7,094.4	68.3	66.0	3.3
2019	15,581.6	15,073.4	508.2	7,103.5	68.7	66.4	3.3
2020	15,667.7	14,956.7	711.0	7,225.5	68.4	65.3	4.5
2021	15,797.2	15,064.2	733.0	7,221.4	68.6	65.4	4.6
2022	16,022.1	15,391.7	630.4	7,110.2	69.3	66.5	3.9

Jadual B: Statistik utama tenaga buruh, Malaysia, Suku Pertama 2010 - Suku Pertama 2024

('000)						(%)	
Siri Masa	Tenaga Buruh	Penduduk Bekerja	Penganggur	Luar Tenaga Buruh	Kadar Penyertaan Tenaga Buruh	Nisbah Guna Tenaga kepada Penduduk	Kadar Pengangguran
2010							
ST1	12,239.3	11,801.2	438.1	7,030.8	63.5	61.2	3.6
ST2	12,304.9	11,900.6	404.3	7,047.5	63.6	61.5	3.3
ST3	12,354.6	11,961.3	393.3	7,073.5	63.6	61.6	3.2
ST4	12,522.4	12,137.4	385.0	6,992.9	64.2	62.2	3.1
2011							
ST1	12,718.3	12,333.5	384.8	7,004.9	64.5	62.5	3.0
ST2	12,756.0	12,367.4	388.6	7,048.8	64.4	62.4	3.0
ST3	12,889.0	12,493.0	396.0	6,977.2	64.9	62.9	3.1
ST4	12,842.5	12,447.9	394.7	7,098.6	64.4	62.4	3.1
2012							
ST1	13,169.2	12,765.2	404.0	6,915.1	65.6	63.6	3.1
ST2	13,237.0	12,837.1	400.0	6,946.1	65.6	63.6	3.0
ST3	13,401.7	13,005.4	396.3	6,897.9	66.0	64.1	3.0
ST4	13,376.2	12,971.2	405.0	7,062.8	65.4	63.5	3.0
2013							
ST1	13,539.5	13,118.0	421.5	7,090.0	65.6	63.6	3.1
ST2	13,945.1	13,524.1	421.0	6,819.6	67.2	65.1	3.0
ST3	14,214.2	13,776.0	438.3	6,613.0	68.2	66.1	3.1
ST4	14,195.1	13,739.5	455.6	6,730.7	67.8	65.7	3.2
2014							
ST1	14,230.8	13,791.4	439.4	6,805.9	67.6	65.6	3.1
ST2	14,296.1	13,888.5	407.6	6,793.0	67.8	65.9	2.9
ST3	14,346.9	13,960.6	386.3	6,810.3	67.8	66.0	2.7
ST4	14,403.3	13,998.7	404.6	6,860.9	67.7	65.8	2.8
2015							
ST1	14,544.8	14,091.0	453.9	6,798.5	68.1	66.0	3.1
ST2	14,535.6	14,087.8	447.8	6,897.9	67.8	65.7	3.1
ST3	14,561.0	14,093.7	467.3	6,930.6	67.8	65.6	3.2
ST4	14,600.2	14,127.9	472.3	6,952.7	67.7	65.6	3.2
2016							
ST1	14,596.8	14,095.8	501.0	7,011.5	67.6	65.2	3.4
ST2	14,665.4	14,161.5	503.9	7,026.0	67.6	65.3	3.4
ST3	14,710.6	14,202.0	508.5	7,044.6	67.6	65.3	3.5
ST4	14,771.4	14,260.6	510.8	7,071.7	67.6	65.3	3.5
2017							
ST1	14,870.1	14,355.9	514.2	7,093.8	67.7	65.4	3.5
ST2	14,926.4	14,414.8	511.6	7,123.3	67.7	65.4	3.4
ST3	15,000.2	14,484.0	516.2	7,091.0	67.9	65.6	3.4
ST4	15,088.3	14,580.5	507.8	7,085.0	68.0	65.8	3.4
2018							
ST1	15,192.4	14,683.6	508.9	7,093.7	68.2	65.9	3.3
ST2	15,278.3	14,767.2	511.1	7,073.4	68.4	66.1	3.3
ST3	15,381.3	14,856.8	524.4	7,077.9	68.5	66.2	3.4
ST4	15,449.9	14,933.4	516.5	7,070.7	68.6	66.3	3.3
2019							
ST1	15,526.8	15,010.2	516.6	7,064.2	68.7	66.4	3.3
ST2	15,598.8	15,078.2	520.6	7,088.1	68.8	66.5	3.3
ST3	15,674.3	15,162.1	512.1	7,088.7	68.9	66.6	3.3
ST4	15,766.7	15,254.5	512.2	7,066.1	69.1	66.8	3.2
2020							
ST1	15,790.1	15,243.5	546.6	7,163.1	68.8	66.4	3.5
ST2	15,675.5	14,883.7	791.8	7,350.5	68.1	64.6	5.1
ST3	15,840.6	15,095.6	745.0	7,324.6	68.4	65.2	4.7
ST4	15,922.3	15,161.6	760.7	7,318.4	68.5	65.2	4.8

Jadual B: Statistik utama tenaga buruh, Malaysia, Suku Pertama 2010 - Suku Pertama 2024

('000)						(%)	
Siri Masa	Tenaga Buruh	Penduduk Bekerja	Penganggur	Luar Tenaga Buruh	Kadar Penyertaan Tenaga Buruh	Nisbah Guna Tenaga kepada Penduduk	Kadar Pengangguran
2021							
ST1	16,008.4	15,236.5	771.8	7,316.0	68.6	65.3	4.8
ST2	15,972.2	15,207.3	764.9	7,424.9	68.3	65.0	4.8
ST3	16,021.0	15,274.8	746.2	7,430.1	68.3	65.1	4.7
ST4	16,135.0	15,440.7	694.4	7,361.5	68.7	65.7	4.3
2022							
ST1	16,246.1	15,574.9	671.2	7,289.9	69.0	66.2	4.1
ST2	16,343.3	15,701.2	642.0	7,258.5	69.2	66.5	3.9
ST3	16,442.9	15,831.1	611.8	7,250.6	69.4	66.8	3.7
ST4	16,542.2	15,941.7	600.5	7,246.1	69.5	67.0	3.6
2023							
ST1	16,648.9	16,062.0	586.9	7,215.7	69.8	67.3	3.5
ST2	16,727.4	16,146.1	581.4	7,180.2	70.0	67.5	3.5
ST3	16,824.0	16,250.9	573.1	7,182.3	70.1	67.7	3.4
ST4	16,911.7	16,346.7	565.0	7,197.6	70.1	67.8	3.3
2024							
ST1	16,962.3	16,401.2	561.1	7,194.0	70.2	67.9	3.3

Jadual B1 : Penduduk bekerja kurang 30 jam seminggu mengikut jantina dan kumpulan umur, Malaysia, Suku Pertama 2017
- Suku Pertama 2024

Siri Masa	Jumlah	Jantina		Kumpulan Umur			
		Lelaki	Perempuan	15-24 tahun	25-34 tahun	35-44 tahun	45 tahun dan lebih
2017							
ST1	415.5	177.3	238.2	57.4	79.7	90.8	187.6
ST2	396.8	168.8	228.0	52.8	79.0	95.1	170.0
ST3	393.0	163.2	229.7	57.3	91.1	81.4	163.1
ST4	419.3	173.1	246.2	60.2	105.4	84.3	169.4
2018							
ST1	462.3	172.9	289.3	61.2	119.5	98.7	182.9
ST2	497.2	207.7	289.5	75.5	132.4	101.3	188.0
ST3	442.4	172.7	269.7	56.4	96.7	98.3	191.0
ST4	370.0	140.9	229.0	39.2	80.4	78.9	171.4
2019							
ST1	352.6	143.7	209.0	52.2	90.9	68.9	140.7
ST2	374.3	171.5	202.8	43.6	84.1	87.8	158.8
ST3	326.6	118.9	207.6	42.5	73.6	79.7	130.8
ST4	304.0	112.3	191.8	39.1	62.9	72.8	129.3
2020							
ST1	667.5	320.1	347.4	91.0	189.1	146.5	240.9
ST2	789.6	444.0	345.7	134.6	229.1	182.0	244.0
ST3	403.8	151.4	252.4	116.1	118.0	72.1	97.6
ST4	533.7	345.6	188.0	165.5	189.5	71.0	107.6
2021							
ST1	441.9	281.3	160.5	57.0	209.4	106.3	69.2
ST2	474.1	317.8	156.3	102.2	110.1	95.9	165.9
ST3	464.6	282.9	181.6	69.0	166.4	123.7	105.4
ST4	393.8	137.6	256.2	87.0	108.4	97.5	100.9
2022							
ST1	336.3	112.1	224.1	39.1	103.6	77.8	115.8
ST2	324.5	154.5	170.0	76.4	94.3	63.0	90.8
ST3	287.2	132.9	154.3	35.3	99.5	68.4	84.0
ST4	268.5	115.4	153.0	46.1	88.0	56.2	78.3
2023							
ST1	274.2	114.2	160.0	37.4	94.4	46.5	95.8
ST2	280.4	120.2	160.2	54.0	85.3	58.6	82.5
ST3	284.8	122.0	162.8	41.5	113.2	49.6	80.4
ST4	286.1	113.6	172.5	49.1	108.7	43.3	85.1
2024							
ST1	283.9	123.1	160.8	32.1	89.1	68.3	94.4

Jadual B2 : Guna tenaga tidak penuh berkaitan masa mengikut jantina dan kumpulan umur, Malaysia, Suku Pertama 2017
- Suku Pertama 2024

('000)

Siri Masa	Jumlah	Jantina		Kumpulan Umur			
		Lelaki	Perempuan	15-24 tahun	25-34 tahun	35-44 tahun	45 tahun dan lebih
2017							
ST1	211.8	105.9	105.8	36.8	51.0	48.6	75.4
ST2	195.4	97.7	97.8	34.7	45.2	48.9	66.6
ST3	224.8	109.1	115.7	46.3	59.3	49.8	69.4
ST4	238.5	115.3	123.2	45.7	69.4	44.9	78.5
2018							
ST1	242.5	102.4	141.0	37.3	74.1	52.3	79.7
ST2	231.7	108.1	123.5	40.2	65.8	43.2	82.5
ST3	235.5	116.5	119.0	43.4	54.4	49.4	88.3
ST4	204.1	88.1	115.9	30.8	47.5	44.0	81.7
2019							
ST1	210.5	98.0	112.5	43.6	61.4	36.9	68.6
ST2	204.5	107.2	97.2	32.0	53.8	45.7	73.0
ST3	178.7	70.4	108.2	28.6	44.8	50.9	54.4
ST4	170.7	69.2	101.5	28.7	44.2	40.6	57.1
2020							
ST1	383.2	183.2	199.9	63.2	114.1	82.4	123.5
ST2	413.5	257.6	156.0	76.3	99.3	106.1	131.9
ST3	300.8	102.3	198.5	108.4	97.2	47.4	47.8
ST4	369.1	267.8	101.3	130.3	117.4	53.1	68.4
2021							
ST1	310.5	226.7	83.8	46.4	159.3	67.2	37.6
ST2	329.7	236.1	93.5	86.6	82.6	46.6	113.8
ST3	326.2	232.2	93.9	40.4	137.0	87.7	61.0
ST4	293.1	101.2	191.9	80.8	78.9	70.2	63.2
2022							
ST1	245.1	71.3	173.8	21.8	76.1	62.6	84.5
ST2	212.8	111.6	101.3	64.5	59.8	37.0	51.6
ST3	186.8	92.3	94.5	16.7	67.4	49.0	53.7
ST4	167.4	79.3	88.1	29.9	63.8	32.5	41.2
2023							
ST1	174.6	78.7	95.9	30.2	66.4	25.2	52.8
ST2	186.3	86.4	99.9	39.5	62.6	34.4	49.8
ST3	189.0	88.1	100.8	34.4	79.0	32.6	42.9
ST4	181.6	82.7	98.9	26.5	81.1	28.4	45.6
2024							
ST1	175.4	81.9	93.5	23.0	66.1	36.1	50.1

Jadual B3 : Guna tenaga tidak penuh berkaitan kemahiran mengikut jantina dan kumpulan umur, Malaysia, Suku Pertama 2017
- Suku Pertama 2024

('000)

Siri Masa	Jumlah	Jantina		Kumpulan Umur			
		Lelaki	Perempuan	15-24 tahun	25-34 tahun	35-44 tahun	45 tahun dan lebih
2017							
ST1	1,182.9	567.0	615.9	280.8	569.0	209.3	123.8
ST2	1,280.6	584.9	695.7	317.9	587.7	226.9	148.1
ST3	1,311.6	623.9	687.7	306.1	632.6	227.4	145.5
ST4	1,332.8	648.4	684.4	303.2	631.8	254.8	142.9
2018							
ST1	1,306.9	629.2	677.7	279.2	629.2	259.0	139.5
ST2	1,408.1	647.2	760.9	314.5	687.4	257.7	148.4
ST3	1,446.3	704.1	742.2	351.3	683.3	266.9	144.8
ST4	1,404.0	667.8	736.2	337.2	679.1	245.4	142.3
2019							
ST1	1,460.8	673.2	787.6	329.5	696.4	263.0	172.0
ST2	1,417.2	665.3	751.9	338.6	666.0	259.7	152.8
ST3	1,554.5	699.3	855.2	393.5	705.8	279.1	176.0
ST4	1,540.9	746.8	794.1	348.4	732.4	287.4	172.7
2020							
ST1	1,637.3	815.1	822.2	338.3	786.3	310.8	201.8
ST2	1,674.1	847.7	826.4	393.7	701.9	331.6	246.9
ST3	1,762.7	865.9	896.9	405.1	811.4	355.3	190.9
ST4 ^f	1,886.8	1,066.6	820.2	353.5	862.6	443.0	227.6
2021							
ST1	1,899.9	951.5	948.4	437.2	848.4	401.7	212.5
ST2	1,852.5	949.0	903.5	336.9	776.0	426.1	313.5
ST3	1,873.8	931.7	942.2	426.8	835.3	392.0	219.7
ST4	1,838.3	877.1	961.2	309.0	816.4	454.6	258.3
2022							
ST1	1,810.1	874.4	935.6	364.9	821.3	428.2	195.7
ST2	1,799.6	892.3	907.3	356.3	799.4	433.3	210.6
ST3	1,839.6	857.9	981.7	344.1	861.4	432.2	201.9
ST4	1,891.4	1,022.0	869.5	326.3	894.9	476.0	194.2
2023							
ST1	1,907.2	944.0	963.3	373.9	879.1	447.4	206.8
ST2	1,914.6	873.1	1,041.5	421.3	867.5	421.0	204.8
ST3	1,922.7	941.3	981.4	425.5	816.1	457.8	223.3
ST4	1,937.1	996.2	940.9	400.2	815.3	493.7	227.9
2024							
ST1	1,931.3	975.6	955.7	448.4	827.8	441.4	213.6

Nota:

r Disemak semula

Jadual C: Statistik utama tenaga buruh, Malaysia, Januari 2010 - Mac 2024

('000)					(%)		
Siri Masa	Tenaga Buruh	Penduduk Bekerja	Penganggur	Luar Tenaga Buruh	Kadar Penyertaan Tenaga Buruh	Nisbah Guna Tenaga kepada Penduduk	Kadar Pengangguran
2010							
Januari	12,367.9	11,931.2	436.7	6,927.5	64.1	61.8	3.5
Februari	12,059.8	11,632.3	427.4	7,225.1	62.5	60.3	3.5
Mac	12,324.2	11,895.9	428.3	6,993.0	63.8	61.6	3.5
April	12,512.0	12,133.5	378.5	6,894.5	64.5	62.5	3.0
Mei	12,197.6	11,798.9	398.7	7,186.0	62.9	60.9	3.3
Jun	12,331.8	11,882.2	449.6	7,065.0	63.6	61.3	3.6
Julai	12,516.2	12,099.5	416.7	6,900.5	64.5	62.3	3.3
Ogos	12,320.9	11,936.5	384.3	7,157.9	63.3	61.3	3.1
September	12,289.9	11,912.1	377.8	7,194.4	63.1	61.1	3.1
Oktober	12,689.5	12,342.6	346.8	6,846.7	65.0	63.2	2.7
November	12,277.5	11,874.1	403.4	7,298.3	62.7	60.7	3.3
Disember	12,822.3	12,418.3	404.1	6,722.3	65.6	63.5	3.2
2011							
Januari	12,804.2	12,376.0	428.2	6,881.6	65.0	62.9	3.3
Februari	12,618.9	12,245.3	373.6	7,110.3	64.0	62.1	3.0
Mac	12,862.2	12,491.8	370.4	6,940.1	65.0	63.1	2.9
April	12,921.7	12,537.1	384.6	6,930.6	65.1	63.2	3.0
Mei	12,726.6	12,330.3	396.3	7,133.2	64.1	62.1	3.1
Jun	12,782.7	12,372.6	410.1	7,073.7	64.4	62.3	3.2
Julai	12,967.4	12,581.5	385.9	6,920.5	65.2	63.3	3.0
Ogos	12,887.9	12,486.7	401.2	7,038.6	64.7	62.7	3.1
September	12,875.9	12,456.9	419.0	7,032.2	64.7	62.6	3.3
Oktober	12,938.2	12,550.1	388.1	7,045.7	64.7	62.8	3.0
November	12,722.4	12,323.7	398.7	7,245.7	63.7	61.7	3.1
Disember	13,092.1	12,687.2	404.9	6,997.3	65.2	63.2	3.1
2012							
Januari	13,191.6	12,781.3	410.4	6,878.5	65.7	63.7	3.1
Februari	13,054.5	12,645.6	408.9	7,042.3	65.0	62.9	3.1
Mac	13,295.4	12,893.8	401.6	6,897.3	65.8	63.9	3.0
April	13,331.8	12,936.9	394.8	6,851.3	66.1	64.1	3.0
Mei	13,245.6	12,861.2	384.4	6,952.9	65.6	63.7	2.9
Jun	13,232.5	12,811.4	421.0	7,013.7	65.4	63.3	3.2
Julai	13,511.7	13,093.3	418.4	6,777.3	66.6	64.5	3.1
Ogos	13,313.6	12,963.4	350.2	7,039.9	65.4	63.7	2.6
September	13,408.5	12,984.5	424.0	6,993.2	65.7	63.6	3.2
Oktober	13,341.4	12,908.9	432.6	7,056.2	65.4	63.3	3.2
November	13,429.2	13,044.6	384.6	7,094.6	65.4	63.6	2.9
Disember	13,538.6	13,114.3	424.3	7,060.6	65.7	63.7	3.1
2013							
Januari	13,569.6	13,109.8	459.8	7,035.5	65.9	63.6	3.4
Februari	13,598.8	13,195.9	402.9	7,119.8	65.6	63.7	3.0
Mac	13,684.4	13,241.7	442.6	7,116.7	65.8	63.7	3.2
April	13,835.7	13,422.9	412.8	6,922.7	66.7	64.7	3.0
Mei	13,815.3	13,368.9	446.4	7,005.6	66.4	64.2	3.2
Jun	14,217.1	13,816.9	400.2	6,668.6	68.1	66.2	2.8
Julai	14,194.6	13,763.0	431.6	6,655.9	68.1	66.0	3.0
Ogos	14,176.6	13,734.2	442.4	6,689.8	67.9	65.8	3.1
September	14,309.4	13,859.5	449.9	6,557.3	68.6	66.4	3.1
Oktober	14,169.2	13,699.1	470.1	6,746.3	67.7	65.5	3.3
November	14,220.9	13,730.4	490.5	6,716.2	67.9	65.6	3.4
Disember	14,276.5	13,836.2	440.3	6,724.3	68.0	65.9	3.1

Jadual C: Statistik utama tenaga buruh, Malaysia, Januari 2010 - Mac 2024

	('000)				(%)		
Siri Masa	Tenaga Buruh	Penduduk Bekerja	Penganggur	Luar Tenaga Buruh	Kadar Penyertaan Tenaga Buruh	Nisbah Guna Tenaga kepada Penduduk	Kadar Pengangguran
2014							
Januari	14,244.4	13,775.9	468.5	6,734.7	67.9	65.7	3.3
Februari	14,249.9	13,788.0	462.0	6,808.7	67.7	65.5	3.2
Mac	14,198.4	13,768.3	430.1	6,956.1	67.1	65.1	3.0
April	14,206.7	13,793.2	413.5	6,849.4	67.5	65.5	2.9
Mei	14,430.2	14,023.0	407.2	6,693.2	68.3	66.4	2.8
Jun	14,373.4	13,967.0	406.4	6,826.6	67.8	65.9	2.8
Julai	14,333.4	13,935.8	397.6	6,846.2	67.7	65.8	2.8
Ogos	14,266.3	13,881.4	384.9	6,934.1	67.3	65.5	2.7
September	14,440.2	14,058.4	381.8	6,763.7	68.1	66.3	2.6
Oktober	14,403.1	14,023.3	379.9	6,926.7	67.5	65.7	2.6
November	14,404.1	14,025.4	378.7	6,887.1	67.7	65.9	2.6
Disember	14,512.0	14,060.2	451.7	6,784.8	68.1	66.0	3.1
2015							
Januari	14,442.0	13,991.8	450.3	6,923.7	67.6	65.5	3.1
Februari	14,554.7	14,092.9	461.8	6,847.8	68.0	65.9	3.2
Mac	14,601.2	14,160.5	440.7	6,839.3	68.1	66.1	3.0
April	14,569.5	14,136.2	433.3	6,890.2	67.9	65.9	3.0
Mei	14,575.0	14,126.7	448.3	6,933.5	67.8	65.7	3.1
Jun	14,609.9	14,146.7	463.2	6,896.2	67.9	65.8	3.1
Julai	14,579.1	14,106.2	472.9	6,937.7	67.8	65.6	3.2
Ogos	14,685.1	14,214.6	470.5	6,871.5	68.1	65.9	3.2
September	14,642.0	14,151.7	490.3	6,925.4	67.9	65.6	3.3
Oktober	14,665.9	14,184.7	481.3	6,894.8	68.0	65.8	3.3
November	14,687.2	14,215.7	471.5	6,945.0	67.9	65.7	3.2
Disember	14,690.0	14,185.7	504.3	6,945.3	67.9	65.6	3.4
2016							
Januari	14,652.0	14,150.5	501.5	6,984.2	67.7	65.4	3.4
Februari	14,703.3	14,196.9	506.4	7,063.1	67.6	65.2	3.4
Mac	14,710.1	14,200.7	509.5	6,964.0	67.9	65.5	3.5
April	14,675.3	14,163.7	511.5	7,012.5	67.7	65.3	3.5
Mei	14,705.0	14,200.2	504.8	7,021.1	67.7	65.4	3.4
Jun	14,720.1	14,218.4	501.8	7,036.5	67.7	65.4	3.4
Julai	14,729.0	14,212.8	516.2	7,008.4	67.8	65.4	3.5
Ogos	14,822.2	14,306.9	515.2	7,053.3	67.8	65.4	3.5
September	14,762.2	14,249.6	512.6	7,084.3	67.6	65.2	3.5
Oktober	14,765.1	14,253.4	511.7	7,071.1	67.6	65.3	3.5
November	14,827.9	14,317.2	510.7	7,081.8	67.7	65.3	3.4
Disember	14,788.9	14,276.7	512.2	7,072.8	67.6	65.3	3.5
2017							
Januari	14,880.9	14,366.8	514.1	7,090.4	67.7	65.4	3.5
Februari	14,916.7	14,401.8	514.8	7,086.9	67.8	65.5	3.5
Mac	14,932.5	14,421.7	510.8	7,121.8	67.7	65.4	3.4
April	14,941.5	14,429.6	511.9	7,122.5	67.7	65.4	3.4
Mei	14,961.9	14,454.4	507.5	7,120.8	67.8	65.5	3.4
Jun	15,027.6	14,519.9	507.7	7,141.1	67.8	65.5	3.4
Julai	15,016.4	14,497.4	519.0	7,150.4	67.7	65.4	3.5
Ogos	15,030.2	14,513.4	516.9	7,138.4	67.8	65.5	3.4
September	15,058.8	14,544.3	514.5	7,122.1	67.9	65.6	3.4
Oktober	15,090.4	14,581.7	508.8	7,117.7	68.0	65.7	3.4
November	15,084.0	14,578.9	505.1	7,121.4	67.9	65.7	3.3
Disember	15,145.9	14,640.1	505.8	7,084.1	68.1	65.9	3.3

Jadual C: Statistik utama tenaga buruh, Malaysia, Januari 2010 - Mac 2024

	('000)				(%)		
Siri Masa	Tenaga Buruh	Penduduk Bekerja	Penganggur	Luar Tenaga Buruh	Kadar Penyertaan Tenaga Buruh	Nisbah Guna Tenaga kepada Penduduk	Kadar Pengangguran
2018							
Januari	15,187.0	14,670.5	516.5	7,074.8	68.2	65.9	3.4
Februari	15,230.0	14,721.5	508.5	7,112.3	68.2	65.9	3.3
Mac	15,241.2	14,732.5	508.7	7,115.0	68.2	65.9	3.3
April	15,313.1	14,803.1	510.0	7,130.9	68.2	66.0	3.3
Mei	15,357.5	14,852.6	504.8	7,097.1	68.4	66.1	3.3
Jun	15,379.0	14,863.2	515.8	7,062.2	68.5	66.2	3.4
Julai	15,401.0	14,882.4	518.6	7,044.5	68.6	66.3	3.4
Ogos	15,421.4	14,896.5	525.0	7,133.9	68.4	66.0	3.4
September	15,442.9	14,926.5	516.4	7,096.8	68.5	66.2	3.3
Oktober	15,450.0	14,937.1	512.9	7,093.7	68.5	66.3	3.3
November	15,457.5	14,941.3	516.2	7,151.2	68.4	66.1	3.3
Disember	15,500.1	14,986.0	514.2	7,120.1	68.5	66.3	3.3
2019							
Januari	15,508.5	14,992.8	515.6	7,095.9	68.6	66.3	3.3
Februari	15,543.2	15,026.8	516.4	7,145.9	68.5	66.2	3.3
Mac	15,556.6	15,035.2	521.3	7,169.4	68.5	66.2	3.4
April	15,613.1	15,089.8	523.3	7,184.4	68.5	66.2	3.4
Mei	15,642.3	15,122.5	519.8	7,190.0	68.5	66.2	3.3
Jun	15,655.9	15,134.6	521.4	7,156.7	68.6	66.3	3.3
Julai	15,704.6	15,179.8	524.8	7,207.7	68.5	66.3	3.3
Ogos	15,706.0	15,185.8	520.2	7,172.4	68.6	66.4	3.3
September	15,751.2	15,229.9	521.4	7,159.8	68.7	66.5	3.3
Oktober	15,777.7	15,265.6	512.1	7,175.0	68.7	66.5	3.2
November	15,828.9	15,315.0	513.9	7,174.2	68.8	66.6	3.2
Disember	15,803.0	15,286.0	517.0	7,129.8	68.9	66.7	3.3
2020							
Januari	15,829.3	15,317.6	511.7	7,128.9	68.9	66.7	3.2
Februari	15,869.8	15,344.5	525.2	7,224.0	68.7	66.4	3.3
Mac	15,842.9	15,232.4	610.5	7,239.8	68.6	66.0	3.9
April	15,712.2	14,933.4	778.8	7,345.1	68.1	64.8	5.0
